



Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 26 Oktober 2021

Nestlé Malaysia Perluas Inisiatif Kitar Semula Masyarakat Menerusi Kerjasama dengan MBSA

Syarikat ini terus memacu program untuk memudahkan pengasingan dan pengutipan bahan buangan untuk dikitar semula.

Dalam usaha mengekalkan momentum untuk menggiatkan program kitar semula demi menyokong alam sekitar, Nestlé Malaysia hari ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk melancarkan Program Kutipan dan Kitar Semula di Shah Alam secara rasmi. Usaha ini merupakan projek perintis pertama syarikat untuk menyediakan kemudahan kutipan bahan kitar semula bagi kediaman bertingkat tinggi setelah berjaya menjalankan inisiatif bagi komuniti perumahan di Petaling Jaya dan Subang Jaya.

Menyedari cabaran kutipan tambahan dan keperluan untuk meningkatkan kesedaran tentang amalan kitar semula yang baik dalam kalangan komuniti kediaman berstrata, Nestlé berganding bahu dengan MBSA untuk melaksanakan program perintis yang melibatkan 540 isi rumah di Seksyen 18 dan Seksyen 24 di Shah Alam. Menerusi program ini, penduduk akan dilengkapi dengan ilmu, kemudahan dan peralatan untuk mengasingkan bahan buangan di rumah, demi memupuk tingkah laku dan pemikiran yang lebih mesra kitar semula.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad mengulas, “Kami berbesar hati untuk meluaskan usaha kitar semula kami untuk memberi manfaat kepada lebih banyak komuniti di Selangor sekali lagi. Berikutan kejayaan program kami di Petaling Jaya, kami luaskan liputan kepada penduduk Subang Jaya dan kini meneruskan momentum untuk membawa kesan positif di Shah Alam. Menerusi projek perintis ini, kami berharap untuk melibatkan penduduk kediaman strata yang mengambil bahagian untuk memastikan aktiviti kitar semula boleh diamalkan di bangunan kediaman kepadatan tinggi dan mengalakkan amalan kitar semula yang baik.”

“Hasil penemuan daripada projek perintis ini akan membolehkan kami terus meluaskan program kepada komuniti strata lain di Shah Alam. Usaha ini adalah sejajar dengan sasaran kami untuk mengumpulkan sehingga 25 tan bahan kitar semula sebulan menjelang 2022 untuk menyumbang kepada wawasan kami agar tiada pembungkusan

kami dimasukkan dalam kambus tanah atau dibuang sebagai sampah sarap," rumus En Aranols.

Menyerupai program Kutipan & Kitar Semula Pintu ke Pintu Nestlé, Program Kutipan dan Kitar Semula Kediaman Berstrata akan melibatkan peralatan kutipan khas bahan buangan boleh dikitar semula. Tong RoRo (*Roll-On Roll-Off*) dengan jumlah kapasiti sampah yang besar akan diletakkan di setiap bangunan strata untuk kutipan mingguan oleh rakan kerjasama projek, KPT Recycle. Risalah pendidikan yang mengandungi maklumat mengenai jenis bahan kitar semula, langkah-langkah kitar semula dan proses mengitar semula sisa isi rumah akan diberikan kepada setiap isi rumah.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: +603 7965 6650
Bimbit: +6012 235 6865
E-mel: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Alva Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
Bimbit: +6010-221 8216 (Alya) atau
E-mel: +6017-237 9048 (Yasmin)
acorncommunications@acornco.com.my